

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO

TARIKH: 7 FEBRUARI 2020

MUKA SURAT: 31

HARIAN METRO
MART 7 FEBRUARI 2020

P&P | 31

PROJEK 'SAKIT' PEMBELI MERANA

Pemilik tanggung sengsara langsung pinjaman perumahan setiap bulan sedangkan rumah terbengkalai

Oleh **Muhamad Razis Ismail**
razis@hmetro.com.my

Rumahku syurgaku. Demikian perumpamaan yang sering kita dengar untuk menggambarkan betapa gembiranya memiliki

kediaman sendiri. Sebaik selesai urusan menandatangani perjanjian membeli rumah, pasti pemilik sudah membayangkan rumah yang bakal diduduki itu.

Pelbagai perancangan dibuat termasuk susun atur dan proses ubah suai bagi

mencantikkan rumah idaman.

Bagaimanapun, tidak semua mimpi indah menjadi kenyataan apabila rumah yang diharapkan itu terbengkalai.

Sudahlah rumah tidak siap dalam tempoh yang ditetapkan, pemilik pula terpaksa menanggung sengsara melaksanaan pinjaman perumahan setiap bulan.

Pada masa sama, pemilik perlu membayar rumah sewa yang diduduki sementara menanti rumah sendiri siap sepenuhnya.

Pemaju pula memberi pelbagai alasan sebelum meninggalkan pemilik rumah terkantang-kanting derita.

Perlambangan rumahku syurgaku bertukar kepada jatuh ditimpa tangga.

> 32

